



Competency



Accountability



Transparency



RM100 Untuk Ibu Tunggal & OKU



PRIHATIN...Kini bukan sahaja warga emas menerima sumbangan penghargaan malah ibu tunggal dan orang kelainan upaya (OKU) turut merasai faedah urustadbir CAT.

Mulai tahun ini, ibu-ibu tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU) layak mendaftarkan nama mereka dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima bantuan kewangan sebanyak RM100 setahun.

Borang pendaftaran boleh diperolehi di semua pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pakatan Rakyat (PR), pejabat Pegawai Penyelaras KADUN, pejabat daerah, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

Kerajaan Negeri memulakan pendaftaran sekarang kerana tidak mempunyai data yang mencukupi dan Kementerian-kementerian Persekutuan yang berkaitan belum lagi memberikan maklumat yang dikehendaki.

Pendaftaran bermula pada 1 Februari dan Kerajaan Negeri akan mengumumkan tarikh pembayarannya kelak.

Syarat-syarat bantuan ibu tunggal termasuklah pendaftar mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Pulau Pinang, usia tidak melebihi 60 tahun, merupakan pemilih berdaftar, sekurang-kurangnya mempunyai seorang anak dan belum berkahwin semula.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Negeri, Phee Boon Poh berkata, ibu tunggal yang berkahwin semula harus memberitahu pejabat-pejabat daerah sekiranya mereka mahukan pengecualian.

"Mereka perlu berdaftar sebagai pengundi, tujuannya adalah untuk memastikan mereka adalah penduduk tetap Pulau Pinang yang sebenar," katanya.

Kerajaan Negeri turut mengumumkan bahawa OKU juga akan menerima bantuan tahunan sebanyak RM100 seorang dan bantuan tersebut akan disalurkan mengikut senarai yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Negeri.

Perlu ditekankan di sini bahawa bantuan kewangan ini adalah atas inisiatif Kerajaan Negeri sendiri. Tidak ada sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta sama sekali.

Diharapkan juga tidak ada pihak akan menuduh Kerajaan Negeri menggunakan dana dari sumber yang tidak halal untuk bantuan tersebut.

Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan dan ini termasuk bantuan kepada warga emas yang merupakan kumpulan pertama yang menerima bantuan tahun lalu dari Kerajaan Negeri.

RM150,000 Kepada Guru Kafa -m/s2



Pulau Pinang No.1 -m/s3



Bas 'Shuttle' Percuma - BEST Terbaik -m/s5

Keganasan Rumah Tangga -m/s18



Tun Dr. Lim Chong Eu by Chan Lilian -m/s11



அஸாத் தமிழ்ப்பள்ளி புதிய கட்டடத்திற்கு இடம் மாறுகிறது -m/s15

华小、国民型中学及教会学校拨款增至650万令吉 -m/s16



Wawancara Manusia Paling Hijau -m/s20

Wasatiyyah Asas Kecemerlangan Dan Perpaduan

GEORGE TOWN: Rakyat Pulau Pinang diminta menyelami konsep kesederhanaan dalam kehidupan dan perlu diamalkan bagi memastikan perpaduan di negeri itu.



TYT Tun Dato' Seri Utama Dr. Hj. Abdul Rahman Abbas memberi anugerah khas sempena pelancaran Dana Wakaf Tunai

Yang Dipertua Pulau Pinang, TYT Tun Dato' Seri Utama Dr. Haji Abdul Rahman Abbas berkata,

dalam memupuk perpaduan dan keharmonian kehidupan, semua pihak perlu memainkan peranan bagi menjamin hubungan yang terjalin itu kekal bagi membolehkan rakyat hidup dalam keadaan aman selesa.

"Tema sambutan Maulidur Rasul kali ini adalah 'Wasatiyyah Tonggak Kecemerlangan Ummah' yang bermaksud kesederhanaan, oleh itu, kita sebagai rakyat Pulau Pinang, perlulah mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan seharian bagi memastikan kehidupan yang baik," ujar beliau.

"Kita juga perlu mengamalkan musyawarah supaya kita mendengar pendapat orang lain dan bukannya mementingkan diri sendiri yang mana amalan ini dapat menghakis sikap negatif yang tidak sepatutnya ada dalam diri kita," tambah beliau ketika berucap di

Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Pulau Pinang pada 15 Februari yang lalu disambut meriah dengan melibatkan 2,300 peserta dari 46 kontijen yang mewakili jabatan-jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO), menyertai perarakan yang berlangsung di Padang Kota Lama.

Perarakan yang bermula kira-kira jam 8 pagi itu adalah pembuka acara bagi hari kemuncaksambutan itu yang diadakan tiga hari bermula sejak 13 Februari lalu. Turut hadir ialah Ketua Menteri, Y.A.B Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri I, YB Dato' Mansor Othman; Exco Hal Ehwal Agama Islam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Abdul Malik Kassim.

Dalam majlis itu, dua penerima anugerah khas telah diraikan

dengan penerima pertama iaitu Ketua Pengurusan Rancangan Malaysia Halal Farmasi, Profesor Dr Zahari Ismail sementara penerima kedua adalah Imam Muda, Mohd Asyraf Muhamad.



MOHD Asyraf (kanan sekali) menerima anugerah khas Maulidur Rasul.

Pada majlis sama, Abdul Rahman turut melancarkan Dana Wakaf Tunai yang diterajui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP).

Pulau Pinang Tubuh Portfolio Hal Ehwal Agama Bukan Islam

GEORGE TOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan portfolio baru bagi hal ehwal agama bukan Islam untuk mengendalikan perkara yang berkaitan dengan agama Buddha, Kristian, Sikh, Tao dan Hindu.

Ini adalah pertama kali portfolio seumpama itu diwujudkan di Pulau Pinang.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan bahawa portfolio tersebut akan dipengerusikan oleh Ketua Menteri sendiri.

Manakala Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dilantik sebagai Timbalan Pengerusi portfolio tersebut.

Mengikut kenyataan tersebut, cadangan penubuhannya telah dibawa oleh Prof. Dr. P. Ramasamy dalam mesyuarat mingguan exco Kerajaan Negeri dan diluluskan.

Penubuhan portfolio tersebut juga bersempena dengan sambutan Minggu Harmoni Antara Agama Dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) baru-baru ini.

Mengikut YAB Ketua Menteri, portfolio itu berbeza dengan jawatankuasa kerajaan pusat bagi mempromosi keharmonian dan kefahaman antara agama.

Ini adalah kerana apa yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri adalah portfolio sepenuhnya dan ia mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap semua perkara termasuklah agama.

Memandangkan George Town merupakan Bandar Warisan Dunia UNESCO, maka pewujudan portfolio exco tersebut adalah tepat pada masanya kerana ia mempromosikan kepelbagaian dan interaksi positif insan manusia mengenai ruang budaya, agama dan sosial.

RM150,000 Kepada Guru Kafa

GEORGE TOWN: Seramai 1,500 guru Kelas Asas Fardhu 'Ain (Kafa) akan menikmati pembiayaan khas RM100 sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Pulau Pinang.

Pembayaran tersebut melibatkan jumlah perbelanjaan RM150,000 dan dicadangkan dalam mesyuarat exco pada 17 Februari lepas.

Pembayaran ini dapat dibuat kerana Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan berhemah dengan urustadbir CAT iaitu Cekap, Akauntabel dan Telus; serta kepimpinan berintegriti dan bersih daripada rasuah.

Tahun lalu, Kerajaan Negeri juga memberi RM100 'one-off' kepada guru-guru Kafa sempena perayaan Awal Muharram. Selain itu, buat kali pertamanya juga dalam tahun 2010, semua guru Kafa diberikan duit raya sebanyak RM250 sempena Hari Raya Puasa.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri percaya amalan kesederhanaan dalam kehidupan rakyat tanpa kira agama dan kaum akan dapat menyatupadukan rakyat untuk bersama menikmati kemakmuran, keamanan dan harmoni serta kemajuan dalam membina modal insan.

Sekitar Sambutan Maulidur Rasul





KOMTAR... Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Kebangsaan Pulau Pinang.

GEORGE TOWN: Sejak Pakatan Rakyat (PR) menerajui tampuk pemerintahan negeri pada Mac 2008, pelbagai usaha dilakukan oleh Kerajaan Negeri demi pembangunan Pulau Pinang. Memang diakui, untuk menetapkan pendirian seseorang itu bukan mudah ditambah dengan pelbagai hasutan dan tohmahan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, hasil usaha yang berterusan tampuk

Pulau Pinang Memimpin

pemerintahan Kerajaan Negeri terutama dalam membanteras amalan rasuah dan kroni yang diamalkan kerajaan sebelum ini berjaya mengembalikan sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan negeri pimpinan Pakatan Rakyat.

Kerajaan PR sentiasa menekankan bahawa kerajaan yang baik harus melakukan tiga perkara iaitu sentiasa mendengar suara rakyat, bekerja untuk rakyat dan memberikan harapan untuk rakyat. Tiga elemen ini yang diamalkan sejak tiga tahun PR mengambil alih tampuk pemerintahan terbukti berhasil dan mengejutkan banyak pihak.

Antaranya ialah:

1. Kejayaan Negeri Pulau Pinang menduduki tempat pertama untuk keseluruhan pelaburan iaitu sebanyak RM12,238 juta pada tahun 2010.
2. Menerima pujian daripada Ketua Audit Negara kerana berjaya mencatatkan lebihan belanjawan negeri dan pengurusan kewangan yang baik.
3. Pulau Pinang berada pada kedudukan pertama mengatasi negeri lain dalam penurunan kadar jenayah iaitu sebanyak 27%.
4. Menjamin kepentingan generasi masa depan dengan menerajui usaha ke arah menghentikan fenomena perubahan iklim melalui inisiatif mengurangkan penggunaan beg plastik.
5. Pulau Pinang turut dipuji oleh 'Transparency International' kerana ketelusan pentadbiran yang berdasarkan prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).
6. Pulau Pinang berada pada kedudukan teratas dalam pelancongan perubatan iaitu dua pertiga daripadanya berasal dari Pulau Pinang.
7. Pulau Pinang menjadi negeri pertama yang mengumumkan pemberian sagu hati sebanyak RM100 kepada warga emas

- yang berumur 60 tahun ke atas dan pemberian RM500 setiap keluarga dalam usaha untuk membasmi miskin tegar.
8. Pulau Pinang mempunyai jumlah pelancong sama ada dari tempatan mahupun luar negara yang paling tinggi pada tahun 2010.
9. Pulau Pinang terkenal di Malaysia berikutan usaha-usaha kerajaan melindungi, memelihara dan mempromosikan Warisan Dunia Bandar George Town.
10. Pulau Pinang telah menjadi pilihan sebagai negeri yang paling selamat diduduki setanding dengan Kuala Lumpur.

Selain daripada itu, Pulau Pinang juga merupakan antara negeri yang mempunyai tarif air yang termurah serta kualiti air yang terjamin. Dalam usaha untuk memartabatkan rakyat Pulau Pinang untuk lebih dekat dengan dunia teknologi, Kerajaan Negeri telah mengumumkan 750 wifi percuma akan disediakan untuk memudahkan rakyat negeri ini melayari internet dan akan dipasang di tempat-tempat yang terpilih. Pulau Pinang juga turut memperkenalkan Sudut Pidato di mana dataran tersebut akan dijadikan medan untuk rakyat berbicara tanpa batasan.

Dalam leka dengan pelbagai pujian daripada pelbagai pihak, Kerajaan Negeri sedar dan tidak pernah leka. Masih banyak yang perlu diperbaiki dan dilakukan demi rakyat. Tindakan ekstrem dan rasis pihak tertentu terutama dengan kenaikan harga akhir-akhir ini telah membebankan rakyat dan menambahkan kebencian rakyat. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan terus bersama rakyat untuk mendapatkan kembali hak yang sepatutnya.

Hanya kepercayaan dan peluang rakyat sahaja yang diperlukan kini. Marilah kita bekerja keras tanpa mengira bangsa dan agama untuk menjadikan Pulau Pinang terunggul di peringkat antarabangsa.

Pulau Pinang Bijak Urus Kewangan

SHAH ALAM: Kajian Politik Untuk Perubahan (KPRU) mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) adalah lebih baik berbanding semasa di bawah pimpinan Barisan Nasional (BN).

Kajian mendapati Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengakhiri tahun kewangan 2009 dengan lebihan sejumlah RM77.34 juta menjadikan lebihan dana terkumpul berjumlah RM538.95 juta.

"KPRU mendapati bahawa kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah baik dengan melakukan beberapa pengubahsuaian dalam aktiviti perolehan, bentuk perbelanjaan yang benar-benar berhemat tanpa menjejaskan kebajikan rakyat Pulau Pinang.

"Berbanding dengan pesaingnya, prestasi kewangan dicatatkan oleh Kerajaan Negeri Melaka bertambah baik daripada defisit RM4.56 juta pada tahun 2008 kepada lebihan dana RM0.30 juta," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Selain itu, analisis KPRU berhubung nisbah semasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2009 adalah 5.25:1 melebihi satu, manakala nisbah semasa Melaka adalah kurang daripada satu.

"Fakta ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkemampuan untuk menampung jumlah tanggungan semasa manakala Melaka gagal menampung tanggungan tersebut," katanya.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus dijadikan teladan bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri Melaka, malah semua Kerajaan Negeri dalam Persekutuan di mana jumlah dividen dan keuntungan mencatatkan angka tertinggi sejak tahun 2005.

Bagaimanapun, tiga negeri lain iaitu Johor, Pahang dan Selangor dalam kajian KPUM masih belum mempamerkan perubahan biarpun memperbaiki status kewangan negeri telah bermula di Kerajaan Negeri Selangor.

"KPRU mengesyorkan Selangor meneruskan perbelanjaan berhemat dan terus berusaha mengutip baki pinjaman boleh dituntut di samping usaha berterusan terhadap kutipan tunggakan bayaran pinjaman boleh dituntut.

"Manakala Johor disyorkan perlu mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi dan Pahang perlu mengamalkan perbelanjaan berhemat.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Selangor memperoleh nisbah semasa lebih daripada satu, manakala Kerajaan Negeri Johor dan Pahang memperoleh nisbah kurang daripada satu.

Fakta ini menunjukkan bahawa kecairan tunai Kerajaan Negeri Johor dan Pahang adalah rendah untuk menampung jumlah tanggungan semasa.

Sementara itu, daripada segi defisit, ketiga-tiga negeri mencatat defisit, iaitu Johor RM70.35 juta, Pahang RM42.27 juta dan Selangor RM65.96 juta.

Namun begitu, defisit Pahang dan Johor lebih parah jika berbanding dengan Selangor apabila diambil kira faktor kutipan hasil.

"Keadaan di Negeri Pahang menunjukkan bahawa prestasi kewangan semakin menurun dengan ketara sejak tahun 2007 kerana hasil kutipan tidak dapat menampung perbelanjaan tahunan," katanya.

Kerajaan Negeri Pahang telah membentangkan belanjawan defisit untuk tahun ke-12 berturut-turut sehingga tahun 2010. Bagi Negeri Johor, tahap defisit tahun 2009 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima tahun kebelakangan.

Selain itu, gabungan hasil kedua-dua buah negeri adalah sebanyak RM1,243 juta berbanding dengan hasil Negeri Selangor sebanyak RM1,764 juta, tetapi gabungan defisit adalah sebanyak RM120.95 juta, iaitu lebih kurang satu kali ganda lebih tinggi daripada defisit Selangor yang berjumlah RM65.96 juta.

TINTA PENGARANG

Kesal Utusan Tidak Menyiarkan Berita Sebenar

Kerajaan Negeri kesal dengan sikap sesetengah media berbahasa Melayu terutama Utusan Malaysia (Utusan) yang hanya pandai membuat fitnah terhadap Pakatan Rakyat (PR) tetapi takut untuk mendedahkan kebenaran, khususnya apabila ia melibatkan kepentingan orang Melayu. Salah satu bukti ialah apabila Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Pulau Pinang meminta maaf kepada Ketua Menteri Lim Guan Eng, Utusan diam membisu.

Ini menunjukkan Utusan hanya pandai membuat fitnah dan pembohongan terhadap Lim Guan Eng, DAP serta PR tetapi tidak berani untuk menyiarkan berita yang sebenar.

Sikap bacul sedemikian sudah sepatutnya menyedarkan rakyat betapa buruknya agenda politik perkauman yang dibawakan oleh Utusan serta pihak-pihak tertentu dalam UMNO yang hanya mahu orang Melayu ditutup mata daripada melihat kebenaran.

Sebelum ini, apabila Pengerusi PKMMPP Datuk Mohamed Fadzil Hassan menyerang Ketua Menteri serta pentadbiran Kerajaan PR

Pulau Pinang, Utusan telah menjadi jaguh untuk menyebarkan tohmahan-tohmahan yang tidak berasas itu.

Apabila Datuk Mohamed Fadzil bertemu muka dan telah memohon maaf kepada Ketua Menteri Pulau Pinang atas serangannya terhadap Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan ingin membuka lembaran baru dengan Kerajaan Negeri bagi membolehkan kontraktor-kontraktor Melayu bekerjasama dengan pentadbiran negeri Pulau Pinang.

Guan Eng yang menerima baik permohonan maaf itu telah berkata bahawa Kerajaan Negeri mahu menjalin hubungan sihat dan tersusun berdasarkan kepada fakta dan bukan mengikut perasaan serta tidak dipesongkan oleh fitnah pihak-pihak tertentu seperti Utusan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendedahkan kepada umum bahawa kontraktor-kontraktor Melayu di negeri ini telah mendapat lebih banyak projek di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat berbanding era pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional.

Tender Jabatan Pengairan dan Saliran untuk tahun 2008 hingga 2010 menunjukkan bahawa kontraktor Melayu menerima kesemua 18 projek bernilai lebih RM40 juta.

Tender Jabatan Kerja Raya pula menyaksikan daripada 17 projek bernilai lebih RM20 juta diluluskan di antara 1 Januari 2008 dan 30 November 2010, 16 diberikan kepada kontraktor Melayu. Hanya satu projek diberikan kepada kontraktor bukan Melayu.

Kerajaan PR menawarkan alternatif yang lebih baik bukan sahaja kepada orang Melayu tetapi juga semua kaum di negara ini, termasuk usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah serta membebaskan media yang selama ini dikongkong oleh UMNO-Barisan Nasional.

Utusan dan golongan-golongan yang menyokongnya perlu sedar bahawa jika mereka terus membuat pembohongan dan menutup kebenaran, yang menjadi mangsa adalah orang Melayu sendiri.

- Pena Tajam -

Kunjungi Guan Eng Minta Maaf

GEORGE TOWN: Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Pulau Pinang mengunjungi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng bagi tujuan menjalinkan semula hubungan yang renggang kebelakangan ini. Pengerusinya, Datuk

Mohamed Fadzil Hassan berkata, serentak dengan itu, pihaknya juga menarik balik kenyataan sebelum ini selain meminta Kerajaan Negeri menimbang semula tindakan menyenarai hitam kontraktor tertentu yang juga ahli persatuan.

"Sempena pertemuan ini, kami minta maaf atas kenyataan yang telah menjejaskan hubungan persatuan dengan Kerajaan Negeri. Saya berterima

kasih kepada Ketua Menteri kerana sudi bertemu kami bagi menjernihkan semula hubungan yang renggang.

"Dengan terjalannya semula hubungan ini, saya harap lebih ramai kontraktor Melayu akan mendapat peluang dalam tender kerajaan,"katanya.

Dalam pada itu, Guan Eng pula berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah menyenaraihitam mana-mana kontraktor secara semberono.

"Kita (Kerajaan Negeri) hanya sedia untuk menimbang peluang kepada kontraktor yang terbukti berwibawa dan tidak mempunyai kaitan dengan sesiapa (ahli politik atau pemimpin tertentu) untuk mendapat dan melaksanakan

projek," jelas beliau.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan merit dan reputasi serta meletakkan rekod kualiti kerja sebagai objektif serta kayu ukur untuk memberi peluang kepada kontraktor.

"Saya percaya hasil kerja kontraktor Melayu sangat bagus kerana saya sendiri pernah lihat hasil kerja mereka. Sebarang keputusan bukan dibuat atas isu perkauman".

"Saya mahu kontraktor yang bagus, bukan kroni mana-mana pihak. Saya harap hubungan yang baru dipulihkan sebagai hubungan yang sihat dan berdasarkan fakta, bukan emosi,"katanya.

Guan Eng berkata, hubungan baik itu bukan sahaja memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri atau PKMM malah menguntungkan rakyat Pulau Pinang.

"Kita lakukan ini berdasarkan kepentingan rakyat dan anggap ia sebagai satu penyelesaian menang-menang, iaitu Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang baru berdasarkan keadilan, kualiti dan harga yang paling baik,"katanya.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim.

(Dipetik dan diolah dari Sinar Harian, Ahad 09 Januari 2011,U3)

Saman Malu Farid Dan Utusan

GEORGE TOWN: Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melantik syarikat guaman Karpal Singh & Co. untuk memfailkan saman malu ke atas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) UMNO Pulau Betong, Muhammad Farid Saad dan Utusan atas fitnah mereka pada 2 Februari lalu.

Dalam laporan Utusan yang bertajuk "Lupa Sejarah, Hina Melayu" 2 Februari lalu, Farid mendakwa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang mengedarkan risalah yang memperlekeh sumbangan dan peranan orang Melayu di Balik Pulau.

Utusan telah terus mengadukaduk isu ini dengan laporan susulan pada hari berikutnya yang cuba menghasut sentimen perkauman terhadap Kerajaan

PR yang kononnya mahu meminggirkan sumbangan orang Melayu. UMNO, Farid dan Utusan telah meludah ke langit kerana yang mengeluarkan risalah "My Balik Pulau" tidak lain, tidak bukan adalah Kerajaan Negeri Barisan Nasional (BN) yang lama.

Risalah itu sebenarnya diluluskan oleh Kerajaan Negeri BN lama sebelum Mac 8, 2008 dan sebelum PR mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri. Maka Farid patut tahu kerana beliau adalah sebahagian daripada pentadbiran Kerajaan Negeri lama. Lagipun beberapa penyokong kuat UMNO adalah penyumbang kepada keluaran "My Balik Pulau" ini.

Sungguhpun Kerajaan Negeri telah menjelaskan perkara itu dan meminta Farid menarik balik dan meminta maaf atas pembohongan dan fitnah yang menganiayai Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang, namun Farid enggan berbuat demikian. Sebaliknya Utusan Malaysia meneruskan

laporan palsu yang mendakwa Kerajaan Negeri mengeluarkan risalah "My Balik Pulau" yang sebenarnya dikeluarkan oleh UMNO dan kerajaan persekutuan.

Oleh itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan pada mesyuarat EXCO untuk mengeluarkan saman malu ke atas ADUN UMNO kerana beliau telah menggembar-gemburkan risalah "My Balik Pulau" dengan sentimen perkauman. Penasihat Undang-undang Negeri, Datuk Faiza Zulkifli telah menasihatkan agar Ketua Menteri Pulau Pinang mengeluarkan saman malu bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam keghairahan membuat serangan hentam-keromo ke atas Kerajaan PR Pulau Pinang, semua fakta dan kebenaran telah dilupai dan dibelakangkan. Sungguhpun yang "bersalah" adalah BN/UMNO dan kerajaan persekutuan sendiri, serangan bertubi-tubi dijalankan ke atas Kerajaan PR Pulau Pinang dibaratkan sebagai

kambing hitam.

Kerajaan PR Pulau Pinang tidak akan berdiam diri dan menanggung lagi kesalahan orang lain, khasnya UMNO yang jahat seribu jahat ini. Politik rasis dan benci-membenci UMNO dan BN untuk menutup skandal rasuah mereka mestilah dilawan berhabis-habisan. Yang jelas rakyat Pulau Pinang menanti reaksi terhadap skandal RM30 juta Pulau Jerejak di bawah Tan Sri Koh Tsu Koon yang menggadaikan Pulau Jerejak habis kepada UDA Holdings Berhad.



Pulau Pinang Catat Pelaburan Tertinggi

RM12,238 juta berbanding RM2,165 juta pada 2009

GEORGE TOWN: Menurut statistik yang dibekalkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Pulau Pinang menduduki tempat pertama dalam pelaburan bagi projek-projek perkilangan pada tahun 2010 dengan menarik pelaburan sebanyak RM12,238 juta, meningkat lima kali ganda berbanding RM2,165 juta pada tahun 2009.

Ini adalah pertama kali dalam sejarah di mana Pulau Pinang berjaya menempatkan diri dan mengatasi negeri-negeri lain dalam senarai pelaburan. Kejayaan ini adalah berkat usaha keras daripada semua pihak termasuk 1.6 juta rakyat Pulau Pinang yang telah memberikan kerjasama yang baik kepada kepimpinan Kerajaan Negeri dan juga semua agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dan juga kerajaan persekutuan khususnya MIDA dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Pelaburan ini melibatkan sebanyak RM2.846 juta dari pelabur baru dan RM9,392 juta daripada

pengembangan pelabur sedia ada.

Kenaikan 465% dalam pelaburan di Pulau Pinang ini jelas mencerminkan keyakinan pelabur terhadap negeri ini sekaligus membantu Kerajaan Negeri mempromosikan negeri Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan berdasarkan 7 faktor penentu kejayaan iaitu:

- Sumber manusia yang mencukupi dan mahir
- Rantai bekalan pengurusan yang cekap dan berkesan
- Hub komunikasi
- Pelindungan hak milik
- Urus tadbir dan pimpinan yang berintegriti
- Membina kreativiti dan inovasi
- Negeri pintar dan mempunyai kualiti hidup yang baik



YAB Ketua Menteri bersama barisan Exconya menunjukkan isyarat bagus dengan pencapaian Pulau Pinang sebagai negeri mempunyai pelaburan tertinggi.

Kerajaan Negeri percaya dengan urus tadbir CAT yang diamalkan oleh pimpinan kerajaan sekarang, Pulau Pinang akan terus menerajui kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang.

Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah kepada seluruh rakyat Pulau Pinang. Dengan prestasi kewangan

yang terbaik seperti mana yang dinyatakan oleh Ketua Audit Negara, anti-rasuah sehingga dipuji oleh 'Transparency International', negeri yang bersih, hijau dan yang terbaru, negeri yang mempunyai pelaburan yang paling banyak di Malaysia, Pulau Pinang kini boleh dengan bangga mengatakan 'Pulau Pinang Memimpin'.

Bas 'Shuttle' Percuma - BEST Terbaik



BEST...Kemudahan unggul bagi pekerja Zon Industri Bebas.

GEORGE TOWN: Perkhidmatan bas percuma "Bridge Express Shuttle Transit" (BEST) untuk kegunaan pekerja kilang yang berulang-alik dari Seberang Jaya ke pulau akan beroperasi 1 Mac ini.

Penyediaan 16 buah bas BEST ini adalah selaras dengan komitmen dan usaha Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan trafik di Jambatan Pulau Pinang dan jalan biasa pada waktu puncak.

Pada masa yang sama, ia juga dapat mengurangkan beban kewangan warga Pulau Pinang, khususnya golongan bawahan kerana tambang bas akan ditaja sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri untuk tempoh masa 6 bulan dengan kos RM176,000 sebulan.

Pengguna hanya perlu membayar kos letak kereta di Sunway Carnival Mall sebanyak RM1 sehari. Ini membolehkan setiap pekerja atau pengguna menjimat sekurang-kurangnya RM250 sebulan. Sistem 'Park & Ride' ini dijangka dapat mengangkut hampir 1,000 orang sehari. Sesiapa yang bekerja di FIZ Bayan Lepas turut layak menikmati perkhidmatan BEST ini.

Perkhidmatan BEST ini dibahagikan kepada 3 laluan

iaitu Laluan A, Laluan B dan Laluan C. Laluan A menumpu kepada kawasan FIZ 1, 2 dan BLIP. Laluan B menumpu kepada kawasan FIZ 3 manakala Laluan C menumpu kepada kawasan FIZ 4 dan Technoplex.

Untuk menentukan masa ketibaan bas di kilang masing-masing, tiga percubaan perjalanan bas (Test Run) telah diadakan pada 30 November, 1 Disember dan 2 Disember tahun lepas. Dua percubaan perjalanan bas juga telah diadakan pada 14 Februari dan 16 Februari tahun ini. Satu jadual masa BEST yang menunjukkan anggaran masa ketibaan di perhentian bas telah dihasilkan oleh Rapid Penang dan dihantar kepada FREPENCA pada 6 Februari ini.

Menurut FREPENCA, 22 kilang telah memberi maklumbalas mereka terhadap Sistem 'Park & Ride' ini dan terdapat lebih kurang 1,100 pekerja yang berminat untuk menggunakan sistem ini.

Untuk maklumat lanjut, sila layari: <http://ptc.penang.gov.my>

Perkhidmatan BEST
Sesi pagi: 5.30 pagi - 8.10 pagi
Sesi petang: 4.30 petang - 7.30 petang



PROJEK naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang dijangka siap pada Jun 2012.

Projek Naik Taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang Mampu Tampung 5 juta Penumpang

GEORGE TOWN: Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) yang sedang dinaik taraf dengan kos RM250 juta dijangka mampu menampung sehingga lima juta penumpang apabila siap pada Jun 2012.

Pengurus Besar Kanan (Operasi) Malaysia Airports Holdings Berhad, Datuk Azmi Murad berkata, kerja-kerja menaik taraf yang bermula Jun lepas melibatkan tiga fasa utama dan kini telah 14 peratus siap.

Fasa pertama melibatkan infrastruktur utama dan utiliti, fasa kedua melibatkan bangunan utama terminal dan fasa ketiga membabitkan penaiktarafan kemudahan di kawasan kapal terbang, katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat ringkas mengenai perkembangan projek naik taraf tersebut selain membawa wakil media melawat bahagian PIA yang terlibat dengan projek berkenaan.

"Kerja-kerja menaik taraf ini juga bertujuan untuk memaksimumkan jumlah penumpang khususnya ketika waktu puncak iaitu dari 1,300 ke 2,000 penumpang per jam, menambah bilangan lot tempat

kereta dari 1,200 ke 2,000.

"Tempat tuntutan bagasi juga ditambah daripada tiga kepada enam, menambah laluan di bahagian menurunkan penumpang di balai berlepas daripada dua kepada empat laluan, serta menambah bilangan tandas awam," katanya.

Selain itu, katanya, kemudahan pemeriksaan bagasi di laluan daftar masuk juga terlibat dalam projek tersebut bagi melancarkan pendaftaran penumpang.

"Sebelum ini penumpang perlu melalui proses pemeriksaan bagasi dahulu sebelum mendaftar masuk tetapi apabila siap nanti pemeriksaan bagasi akan dilakukan ketika daftar masuk," katanya.

Beliau berkata sebagai langkah keselamatan PIA juga akan menaik taraf tempat menunggu dan laluan bagi penumpang domestik dan antarabangsa selain turut menambah bilangan kaunter untuk pemeriksaan imigresen, kastam dan pemeriksaan keselamatan.

"Yang penting apabila siap kelak PIA akan mempunyai 14 tempat letak pesawat berbanding sekarang hanya ada 11 sahaja," katanya.

Universiti Di Penanti



MANSOR Othman menyerahkan bantuan keperluan persekolahan kepada golongan yang tidak berkemampuan di Yayasan Aman, di sini.

PENANTI: Sebagai sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan sebuah universiti di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti dalam tahun ini.

Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mansor Othman berkata demikian dalam satu majlis penyerahan bantuan keperluan persekolahan kepada golongan yang tidak berkemampuan di Yayasan Aman, Penanti baru-baru ini.

Ketika ditemui, beliau berkata, adalah menjadi aspirasi utama Kerajaan Negeri

memberi peluang pendidikan yang terbaik bagi masyarakat negeri ini untuk meningkatkan taraf pendidikan mereka.

"Lokasi kawasan telah pun dikenal pasti. Segala perkara berkaitan dengan penubuhan institusi tersebut sudah pun berada pada peringkat terakhir. Kita sekarang berada dalam proses pembangunan sahaja," tegas beliau.

"Selain dari universiti dalam kawasan Penanti yang juga berada dalam Parlimen

Permatang Pauh, Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan sebuah lagi institusi yang akan memberi fokus kepada pembangunan ummah yang dikenali sebagai Yayasan Islam Pulau Pinang," tegasnya lagi.

Tambahnya, dengan kewujudan institusi tersebut, ia membuktikan Kerajaan Negeri tidak meminggirkan nasib orang Melayu di Pulau Pinang.

Difahamkan, yayasan yang akan beroperasi awal tahun ini, akan memberi penekanan kepada keperluan masyarakat Islam seperti pendidikan, sosio-ekonomi dan pembangunan insaniah.

"Kita bukan saja mahu masjid berperanan sebagai tempat ibadah, tetapi juga merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat yang menitikberatkan ilmu agama semata-mata, tetapi juga membuka ruang sebagai tempat untuk meningkatkan ekonomi dan membentuk peribadi atau pembangunan insan," katanya lagi.

Beliau yang juga Adun Penanti, optimis apa yang termaktub dalam manifesto pilihan raya yang lalu bagi mewujudkan institusi ini ternyata berjaya direalisasikan sepertimana yang dinyatakan dalam pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang.

Peruntukan Pendidikan Meningkatkan

GEORGE TOWN: Jumlah peruntukan bagi pembangunan pendidikan di Pulau Pinang telah meningkat ke RM12 juta berbanding tahun lalu RM11.3 juta sahaja. Peruntukan ini adalah untuk pembangunan infrastruktur dan ilmiah bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil, Sekolah Menengah Persendirian, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Cina dan Sekolah Mubaligh.

Sejumlah 175 buah sekolah akan memanfaatkan jumlah tersebut bagi tahun ini. Bagi SJK Cina, SMJK dan Sekolah Mubaligh, permohonan peruntukan telah dibuka dan anggaran peruntukan adalah RM5.8 juta. Manakala bagi SJK Tamil, diuruskan oleh Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan bagi peruntukan SAR adalah di bawah pengurusan Abdul Malik Kassim selaku Exco Hal Ehwal Agama Islam.

Peruntukan untuk pembangunan pendidikan ini merupakan tambahan bantuan dari Kerajaan Negeri dan ianya terhad. Oleh demikian, pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan ke Kementerian Pelajaran dan juga Kerajaan Negeri.

Ini merupakan penambahan kali ketiga bagi tiga tahun berturut-turut. Hal ini membuktikan bahawa Kerajaan Berjiwa Rakyat PR tidak memandang enteng terhadap mana-mana isu pembangunan sosial dan sahsiah.

Peruntukan Kerajaan Negeri Tahun 2010 Mengikut Jenis Sekolah

JENIS SEKOLAH	JUMLAH (BUAH)	PERUNTUKAN (RM)
Swkolah Agama Rakyat	18	1.75 juta
SMJK(C), Sekolah Menengah Persendirian, SJK (C) & Sekolah Mubaligh	129	7.8 juta
SJK (T)	28	1.75 juta
JUMLAH	175	11.3 juta

PSC Tarik 27 Sekolah Jadi Anak Angkat

GEORGE TOWN: Majlis Sains Pulau Pinang (Penang Science Council - PSC), kini menjadikan 27 buah sekolah yang berpotensi dalam bidang penghasilan robot, sebagai anak angkat KDU Pulau Pinang (KDUPP).

Ketua PSC, Yew Tian Tek berkata, usaha berkenaan dilihat untuk menjadikan generasi kini lebih berminat mendalami bidang teknologi dan sains.

Menurutnya, ia juga dapat memacu masa depan negara dengan lebih baik.

"Apa yang membanggakan, ia mendapat kerjasama dari sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi dan syarikat-syarikat robotik," katanya ketika Program Robotik Lego di KDU Pulau Pinang.

"Kami juga mahu supaya program ini membantu remaja khususnya mereka yang berada di bangku sekolah tertarik dengan sains dan teknologi," tambahnya.

Peserta, Micheal Chooi berkata, dia berbangga kerana

terpilih sebagai seorang peserta di dalam program tersebut.

"Saya dan kawan-kawan sudah mula menyimpan hasrat untuk membuat robot sendiri sejak dua tahun yang lalu, tetapi disebabkan kos yang tinggi kami hanya mampu mencipta kereta menggunakan bateri dan lain-lain.

Program yang dijangka berakhir akhir tahun ini adalah hasil inisiatif PSC dengan kerjasama KDUPP, Motorola Sdn. Bhd., Intel, Dell, AMD, Vitrox, Seagate, B Braun, SRM, Sasbadi serta dikendalikan oleh 70 jurulatih yang mahir termasuk pensyarah KDUPP, Dr. Gil B. Barte.

Hadir sama, Y.A.B Lim Guan Eng, Dr. Chong Beng Kok, Pengetua KDUPP.



Hulurkan Sumbangan, Ringankan Bebanan; Kerajaan Berjiwa Rakyat Prihatin

GEORGE TOWN: Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Waris Warga Emas telah berlangsung pada 8 dan 9 Januari yang lalu di empat buah daerah di Pulau Pinang, iaitu Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Timur Laut (DTL) dan Daerah Barat Daya (DBD). Terdahulu, pada Disember yang lalu, Daerah Seberang Perai Utara (SPU) telah mengadakan majlis yang sama dengan dihadiri oleh 113 waris.

Mengikut perangkaan sehingga Januari 2011, pendaftaran warga emas melalui sistem i-Sejahtera yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri adalah seramai 111,106. Dari jumlah tersebut, seramai 107,638 warga emas telah menerima sumbangan RM100 dan seramai 2,155 waris kepada warga emas yang telah meninggal dunia menerima sumbangan RM1,000. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM12.9 juta untuk kepentingan rakyat tanpa mengira latar belakang politik, kaum mahupun agama.

Dalam pada itu, pada majlis tersebut, para waris yang datang jelas kelihatan teruja dan terharu dengan keprihatinan Kerajaan Berjiwa Rakyat Pulau Pinang. Tambahan pula, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut sama meluangkan masa menyampaikan sumbangan kepada setiap waris warga emas.

"Saya rasa BN-UMNO tiada hak untuk menghukum Kerajaan

Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang. Mereka hanya akan memburukkan keadaan, sudahlah tidak pernah tampil mendengar masalah rakyat, hal ini pun nak dijadikan isu. Memang tidak patut. Ini bukan wang judi. Saya bersyukur sangat kerajaan yang ada kini sangat prihatin dan ambil berat masalah rakyat. Terima kasih PR," ulas Zainol Zakaria, 42, dari Teluk Kumbar.

Beliau yang hadir menerima sumbangan tersebut menyatakan bahawa beliau akan menyerahkan wang tersebut kepada adiknya yang merupakan seorang ibu tunggal.

"Sekurang-kurangnya sumbangan ini dapat meringankan bebanan adik saya yang turut sama-sama menjaga ayah saya dahulu," tambah beliau lagi.

Dalam pada itu, Lee Ah See, 47, dari Batu Maung turut berasa terharu dan mengucapkan terima kasih kepada Lim Guan Eng serta Kerajaan PR Pulau Pinang kerana tidak meminggirkan rakyat.

"Sekurang-kurangnya sumbangan ini dapat meringankan beban saya dan keluarga. Terima kasih CM (Ketua Menteri). Terima kasih PR," ujar beliau terharu. Beliau yang hadir bersama-sama dua orang anak perempuannya dan suami turut menyatakan bahawa sumbangan yang diterima itu adalah untuk membuat kubur bapanya yang telah meninggal dunia pada November tahun lalu akibat serangan jantung serta untuk menyara keluarganya kerana

suaminya mengalami kecederaan kaki dan tidak boleh bekerja lagi.

Selain itu, Saad Abdul Rahman, 38, bekerja sebagai 'despatch rider' menerima sumbangan bagi pihak ibunya yang telah meninggal dunia pada September yang lalu.

"Sebahagian dari sumbangan itu kami akan mengadakan kenduri arwah untuk ibu dan sebahagian lagi untuk meringankan beban keluarga, memandangkan ayah saya kini sudah berumur 72, tidak bekerja dan saya pula patah tangan akibat kemalangan baru-baru ini," ujar beliau yang turut terharu dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang prihatin terhadap bebanan rakyat Pulau Pinang.

Dalam majlis tersebut, YAB Ketua Menteri menekankan bahawa wang yang diberikan bukanlah bantuan sebaliknya kepada sumbangan penghargaan kepada warga emas yang telah berkhidmat dalam pembangunan Pulau Pinang sehingga hari ini. Inisiatif murni Kerajaan PR Pulau Pinang membuktikan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana pihak mahupun melupakan sumbangan dan jasa warga emas di Pulau Pinang.

"Sumbangan RM1,000 ini adalah halal dan ia untuk meringankan bebanan yang dipikul oleh waris warga emas di atas kehilangan orang tersayang dan sebagai menghargai pengorbanan waris warga emas yang menjaga orang

tua mereka dengan penuh kasih sayang semasa hayat mereka," ujar Ketua Menteri.

Tambah Ketua Menteri lagi, program ini akan tetap diteruskan walaupun mendapat pelbagai tomanan, sabotaj dan kecaman daripada pihak pembangkang (BN). Beliau berpendapat bahawa tindakan mereka itu adalah semata-mata memperjuangkan kepentingan politik sempit, terdesak serta kegagalan mereka menjaga kebajikan dan keperluan rakyat.



TERHARU...Salah seorang waris yang menerima sumbangan berasa terharu dengan keprihatinan Kerajaan Negeri.



TERUJA...Majlis tersebut turut dihadiri oleh Datuk Halim Hussain, Speaker DUN Pulau Pinang (kanan sekali), Abdul Malik Abul Kassim, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (tiga dari kanan) dan Mohd. Yusmadi Mohd Yusoff, Ahli Parlimen Balik Pulau (tiga dari kiri).

RM200 Kepada Mangsa Banjir Di Pulau Pinang



GEORGE TOWN: Kerajaan Negeri akan menyalurkan bantuan sebanyak RM200 kepada keluarga yang terlibat dengan banjir sekiranya bencana itu melanda Pulau Pinang seperti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Walaupun Pulau Pinang tidak dilanda banjir seperti yang berlaku di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan Sabah, namun Kerajaan Negeri mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga bagi menghadapi bencana itu.

Skim bantuan itu akan disalurkan kepada mangsa banjir yang berpindah ke pusat pemindahan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia, namun bantuan 'one-off' ini hanya akan diberikan kepada ketua keluarga selepas menerima arahan berpindah daripada Pegawai Daerah.

Skim ini merupakan tambahan kepada bantuan yang sedia ada seperti bantuan makanan dan bantuan pemulihan selepas banjir.

Ia juga adalah bantuan elaun kepada mangsa banjir bagi perbelanjaan keperluan asas semasa berada di pusat pemindahan mahupun selepas pulang ke rumah.

Ini membuktikan sekali lagi bahawa Kerajaan Negeri berprihatin dan berjiwa rakyat. Walau bagaimanapun, penerima bantuan itu perlu memenuhi beberapa syarat ditetapkan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia atau pemegang kad pemaustiatin tetap yang lahir sebelum merdeka atau disahkan oleh Penghulu/ Pengerusi JKKK.
- Ketua keluarga atau adalah seorang ahli keluarga yang berpindah ke pusat pemindahan yang diselenggara oleh JKM.
- Berdaftar dengan JKM di pusat pemindahan dan berada di pusat pemindahan tidak kurang daripada 24 jam dan bermalam.
- Turut dipertimbangkan mangsa yang mengalami bencana banjir berulang selepas dua minggu dari tarikh pusat pemindahan ditutup.
- Sekiranya berlaku kejadian banjir besar/luar biasa bantuan akan disalurkan hanya kepada isi rumah mewakili setiap rumah yang terlibat dengan banjir.

Negeri Pulau Pinang bernasib baik kerana peristiwa banjir jauh berkurangan berbanding dengan 2009 dan 2008.

Kekurangan ini adalah atas usaha gigih pihak Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Pejabat Daerah dalam menyelenggarakan sistem perparitan dan pam dengan baik.

Selain itu, perancangan rapi oleh Kerajaan Negeri dalam menjalankan program tebatan banjir terbukti berkesan.

Tindakan tegas Kerajaan Negeri mengeluarkan perintah berhenti kerja ke atas projek landasan berkembar juga telah berjaya menghindari Pulau Pinang daripada berlakunya banjir besar seperti yang berlaku di Kedah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang JKM di http://jkm.penang.gov.my/piagam_MB.php atau hubungi talian JKM 04-6505259.

Nota: Secara keseluruhan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti 11 buah pusat pemindahan yang terdiri daripada bangunan dewan orang ramai, sekolah dan pusat khidmat masyarakat.

Bantuan RM1,000 Waris Mangsa Maut Dalam Kebakaran

GEORGE TOWN: Kerajaan Negeri mengumumkan bantuan RM1,000 bagi mangsa kebakaran yang meninggal atau terkorban dalam bencana itu.

Bantuan itu tidak termasuk sumbangan yang dihulurkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) atau Timbalan Ketua Menteri.

Bantuan itu adalah sebagai tanda keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap mangsa kebakaran yang berlaku di Pulau Pinang sejak kebelakangan ini.

Kerajaan Negeri membuat keputusan memberi bantuan RM1,000 kepada setiap mangsa yang meninggal dunia dalam kebakaran. Jika sesebuah keluarga itu kehilangan dua ahli, mereka akan menerima RM2,000 iaitu setiap mangsa menerima RM1,000.

Pemberian itu sebagai tambahan kepada bantuan sedia ada iaitu Tabung bantuan dari Tabung TYT, maksimum RM5,000 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM500. Bantuan ini diberi kepada mangsa yang mengalami kemusnahan kediaman bagi meringankan beban ditanggung setiap keluarga yang ditimpa musibah.

槟州吸资 全马第一



所有出席记者会的民联国州议员皆对“槟州吸资，全马第一”这个消息雀跃不已，首长办公室一片喜气洋洋，笑声掌声不绝于耳。

表4：各州已批准的制造业项目（2010年及2009年）

州属	2010			2009		
	新投资	扩展经营	总额	新投资	扩展经营	总额
	数目	总投资额 (令吉)	数目	总投资额 (令吉)	数目	总投资额 (令吉)
槟城	64	28亿4600万	64	93亿9200万	128	122亿3800万
雪州	207	43亿5490万	118	62亿8690万	325	106亿4180万
柔佛	94	55亿5950万	78	19亿550万	172	74亿6490万
砂拉越	26	34亿8880万	17	4亿5630万	43	39亿4500万
霹靂	33	27亿6440万	16	2亿7530万	49	30亿3970万
丁加奴	7	66亿2900万	2	16亿6500万	9	23亿2790万
吉打	28	2亿9170万	21	16亿6890万	49	19亿6060万
马六甲	16	8亿8560万	21	7亿4550万	37	16亿3110万
沙巴	29	12亿2720万	10	9840万	39	13亿2560万
森美兰	17	5亿9350万	18	6亿9910万	35	12亿9260万
彭亨	7	9亿7990万	6	5880万	13	10亿3870万
吉兰丹	3	1亿3900万	2	3060万	5	1亿6960万
吉隆坡	4	5500万	-	-	4	5500万
玻璃市	1	3140万	-	-	1	3140万
纳闽	1	1490万	-	-	1	1490万
总数	537	238亿9470万	373	232亿8230万	910	471亿7700万
					471	220亿5140万
					295	105亿8540万
					766	326亿3680万

槟城去年吸引到高达122亿3800万令吉的制造业投资额，打败雪兰莪、柔佛及砂拉越，首次成为全国第一吸金州，也创下槟州制造业有史以来最高的投资金额纪录。

根据马来西亚工业发展局提供的数据显示，槟州制造业去年获得的投资额是2009年21亿6500万令吉的五倍有余，占了去年全马总投资额471亿7700万令吉的四分之一左右。

这是马来西亚工业发展局自1980年有记录以来，槟城第一次在全国脱颖而出。

槟州首席部长林冠英将这成就归功于槟城160万人民、州政府和各部门，以及马来西亚国际发展机构和贸工部等联邦政府部门的努力。

这个好消息也是所有槟城人在过年前所领到的最好红包。

槟州去年的目标只订在42亿令吉而已，没想到最后的成绩竟然比预期多出两倍。

在槟城的投资额当中，新投资占28亿4600万令吉，原有投资者扩展经营的投资占93亿9200万令吉。

这些数据只涵盖那些向马来西亚工业发展局申请奖励的工业，还不包括那些没有向联邦政府申请奖励的新投资或扩展经营投资。

在其他民联执政州属方面，雪州则以近16亿令吉之差，排在第二位。除了砂拉越和沙巴，其他州属去年所获投资额都比前年增加。

KUASA DAN KAWALAN Pendera biasanya menggunakan kekuatan. Dia hanya menghering tentang keperluan diri sendiri dan tidak menghering perasaan orang lain. Dia cuba menggunakan pelbagai teknik untuk menguasai dan menghering ahli keluarganya melalui keganasan. Dia membuat semua keputusan dalam dan melagukan kemampuannya dengan baik.

FAKTOR SOSIAL Pendera biasanya mempunyai idea yang tradisional tentang peranan lelaki dan wanita. Dia merasa bahawa wanita adalah orang bawahan kepada lelaki. Dia tidak dapat menerima hakikat bahawa wanita juga mempunyai hak untuk membuat keputusan tentang kehidupan mereka sendiri, masalah bekerja.

FAKTOR KELUARGA Sesetengah pendera mungkin telah dibesarkan dalam suasana "rumah tangga yang mengalami keganasan". Melalui pengalaman semasa kecil menghering mereka bertingkah-laku ganas.

FAKTOR PSIKOLOGIKAL Pendera mungkin mengalami masalah psikologi, terutamanya gangguan personaliti. Gangguan ini mungkin disebabkan oleh perubahan peranan yang berlaku (model) yang membahayakan, masalah seksual, penyalahgunaan dadah atau perbuatan yang memurukkan diri.

KESAN KE ATAS KEGANASAN RUMAH TANGGA

KANAK-KANAK

- Rencukan, masa tidak selamat dan sikap bergantung kepada orang lain.
- Kekesalan dan kekecewaan.
- Masalah di sekolah (gantung, peralihan yang mendadak).
- Perasaan yang mendadak yang mungkin membawa kepada kekecewaan.

MANGSA

- Perasaan rendah diri dan kurang keyakinan diri.
- Masalah mental.
- Rasa malu, penakut dan takut.
- Persekitaran.
- Ramai yang menghering kepada kekecewaan.

PENDERA

- Perasaan kecewa.
- Menderita / Perasaan.
- Persekitaran / Perasaan.

SEKIRANYA ANDA SEDANG DIDERA

- Dapatkan bantuan
- Jangan berdiam diri. Beritahu seseorang tentang situasi anda
- Beritahu saudara dan rakan anda tentang kejadian tersebut
- Hubungi atau pergi ke organisasi wanita seperti WCC
- Minta bantuan WCC sekiranya anda tiada tempat berlindung
- Fahami bahawa pendera yang bertanggungjawab atas kelakuannya - bukan anda
- Ingat! Anda bukan keseorangan

Keindahan Pulau Aman

BATU KAWAN: Pulau Aman, pulau yang berkeluasan 115.2 hektar itu terletak berhampiran dengan tanah besar di Batu Kawan, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.



MENARIKNYA, meskipun terletak kurang dua meter dari tepi pantai, kandungan air perigi ini tidak masin sepertimana air laut.

Mengikut cerita penduduk, Pulau Aman diterokai pada 1783 selepas meletus peperangan di antara Kedah dan Siam dan telah menjadi tempat lanun berselindung dan menyembunyikan senjata api.

Sejak itu, satu demi satu sejarah Pulau Aman terlakar sehingga mewujudkan pelbagai destinasi menarik yang kini menjadi tumpuan pelancong.

Untuk ke Pulau Aman, kita boleh menggunakan Jeti Batu Musang di Bukit Tambun. Perjalanan dengan bot penambang mengambil masa lebih kurang 10 minit sahaja dengan tambang RM 6 dua hala. Feri akan bergerak dari jeti batu Musang ke Pulau Aman pada jam 10 pagi, 1 tengahari, 4 petang dan 7 malam. Tetapi jika air surut maka feri tak dapat bergerak dan jadual perjalanan terpaksa ditangguhkan.

Di Pulau Aman, kita boleh menyewa chalet dan rumah penginapan di sini. Kadar harganya pula adalah di antara RM 70 hingga RM 180.00. Kita boleh menghubungi Persatuan Nelayan yang ada di Jeti Pulau Aman untuk mendapatkan kemudahan ini.



KADAR harga chalet adalah di antara RM 70 hingga RM 180 semalam

Antara aktiviti menarik di pulau ini adalah aktiviti memancing dan juga makan-makan. Makanan terkenal di Pulau ini ialah Mee Udang. Rasanya sedap, harganya pula amat murah, iaitu RM 5 sahaja sepinggan. Biasanya Mee Udang ini harganya lebih kurang RM 12 ke RM 15 sepinggan.

Bercuti di Pulau Aman ini dapat merehatkan

minda bagi mereka yang terasa tekanan. Di sini tiada pengangkutan darat seperti motosikal dan kereta. Jadi jika nak pekena Mee Udang sedap mailah ke sini bersama keluarga.

Jika ke Pulau Aman, kunjungan tidak lengkap jika tidak ke Telaga Emas yang terletak beberapa meter saja dari pantai di utara pulau.

Berdasarkan sejarah, seorang penduduk pulau itu menemui mata air yang sedang mengalir di tepi pantai sekitar 1789. Beliau bercadang untuk menggali sebuah lubang agar dapat dijadikan perigi atau telaga untuk kegunaan penduduk kampung.

Ketika menggali, tiba-tiba cangkulnya terkena satu objek keras dan apabila diteliti, ianya adalah sebuah tempayan emas.

Penduduk kampung yang dimaklumkan mengenai kejadian itu bergegas ke tempat itu. Apabila mereka tiba di sana, mereka mendapati tempayan itu tidak wujud lagi sebaliknya cuma batu berwarna kuning keemas-emasan sahaja.



RESTORAN Terapung Pulau Aman tarikan utama penggemar makanan laut.

Pemerintah British yang mentadbir Pulau Pinang pada masa itu telah mengupah orang kampung untuk menggali lubang tersebut untuk mendapatkan emasnya yang diperkatakan itu dan ketulan batu yang disangka emas itu dihantar ke British untuk dianalisis dan keputusannya, ketulan batu itu hanyalah berwarna emas. Penggalian tersebut telah dihentikan dengan kedalaman 2.5 meter.



MAKANAN terkenal di pulau ini ialah Mee Udang.

Menariknya, meskipun terletak kurang dua meter dari tepi pantai, kandungan air perigi itu tidak masin sepertimana air laut.



SELAIN menjadi nelayan, penduduk di sini turut mengusahakan ikan masin, kerepek sukun, belacan serta ternakan ikan dalam sangkar.

Satu lagi tarikan Pulau Aman ialah lalu di mana saja rumah penduduk, pasti ada pokok sukun.

Malah, pokok sukun tertua di Malaysia terdapat di pulau itu yang ditanam seorang guru agama, Tok Awang Akib pada 1890, menjadikan usianya kini 120 tahun dan disahkan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI).



JETI Batu Musang di Bukit Tambun.

Pada 1950-an, pulau ini didiami lebih 1,000 penduduk. Hari ini, kira-kira 250 orang atau 48 keluarga saja yang tinggal berikutan ramai penduduk bekerja dan menetap di tanah besar.

Wawancara: Matthias Gelber, Manusia Paling Hijau di Bumi



MATTHIAS Gelber: Kita perlu melaksanakan langkah-langkah penghijauan bumi, bukan sekadar melaungkan slogan sahaja.

Matthias Gelber dianugerahkan sebagai 'Manusia Paling Hijau di Bumi' (*Greenest Person on the Planet Award*) oleh '3rd Whale, Canada' pada tahun 2008. Beliau berasal dari sebuah perkampungan berpenduduk 500 orang di Jerman. Kini, beliau menetap di Malaysia, di bawah program Malaysia Rumah Keduaku (*Malaysia My Second Home, MM2H*). Beliau ialah seorang pakar perunding perubahan iklim dan alam sekitar serta aktif dalam *Network Eco Warrior*. Beliau merupakan seorang pakar dalam mengurangkan pelepasan gas rumah hijau melalui penggunaan simen. Beliau berkongsi pandangannya dengan pembaca *Buletin Mutiara* semasa beliau singgah di Pulau Pinang baru-baru ini.

(*Buletin Mutiara*: BM, Matthias Gelber: MG).

BM: Apakah pandangan anda terhadap dasar-dasar hijau di negeri Pulau Pinang?

MG: Dari segi tindakan, adalah wajarnya bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang memupuk kesedaran alam sekitar dengan menggalakkan pengurangan penggunaan beg plastik percuma (*No Free Plastic Bags*) dan melarang penggunaan bekas makanan polisterin. Di peringkat permulaan, tentunya ada segelintir pihak yang tidak suka pelaksanaan dasar-dasar ini. Namun, kita perlu melaksanakan langkah-langkah sebegini, bukan sekadar melaungkan slogan sahaja.

Orang ramai perlulah sentiasa mengamalkan 3Rs (*Reduce, Reuse, Recycle*)

dalam kehidupan seharian, iaitu Kurangkan, Guna-semula dan Kitar-semula. Misalnya, pelaksanaan 'Hari Tanpa Beg Plastik Percuma' merupakan salah satu strategi untuk mengurangkan sampah-sarap. Manakala bayaran 20 sen untuk setiap beg plastik adalah berasaskan kepada Prinsip Pencemar Membayar (*Polluters-Pay-Principle*).

BM: Bolehkah pendekatan teknologi menangani masalah sampah-sarap yang kita hadapi hari ini?

MG: 'Kurangkan Lebih Bermanfaat' (*Less is More*). Walaupun kita mungkin boleh menggunakan teknologi, apa yang pentingnya adalah kita mesti mengurangkan sampah-sarap terlebih dahulu untuk mengurangkan impak sampah-sarap terhadap alam sekitar.

Teknologi hijau boleh menyelesaikan sebahagian masalah kita, namun banyak masalah sebenarnya dapat dielak awal-awal lagi. Ini adalah kerana teknologi juga melibatkan kos pembinaan, kos penyelenggaraan dan kos-kos lain, jadi adalah lebih baik kita memilih cara penyelesaian yang tidak melibatkan teknologi.

BM: Apakah pandangan anda terhadap pembinaan loji nuklear untuk menjana elektrik di Malaysia?

MG: Saya mencadangkan supaya kerajaan Malaysia menumpukan perhatian dan usaha kecekapan tenaga (*Energy Efficiency*). Saya ingin berkongsi pengalaman saya semasa

berlakunya kebocoran Loji Nuklear di Jerman. Kami dilarang memakan sayuran-sayuran yang ditanam di tanah ladang sendiri. Kini, Jerman sedang menghapuskan loji nuklear secara berperingkat.

Betul. Tenaga nuklear kedengaran canggih. Tetapi, jangan lupa terdapat kos tambahan yang melibatkan pembelian sumber asli seperti uranium, kos pelupusan sisa radioaktif, kos tambahan dalam penyahrauliah (*decommissioning*) sesebuah loji janakuasa nuklear dan lain-lain, kita perlu membayar kosnya dari segi masa, wang ringgit dan impak terhadap alam sekitar, janganlah kita memandang rendah terhadap kos ini.

BM: Pembakaran terbuka masih menjadi satu tabiat buruk di kalangan masyarakat kita, apakah nasihat anda?

MG: Pembakaran terbuka sering kelihatan di pekarangan rumah rakyat Malaysia, ini amat menyakitkan hati. Perbuatan mereka bukan sahaja mencemar alam sekitar tetapi juga menjejaskan kesihatan diri sendiri, ahli keluarga terutamanya kanak-kanak. Tahukah anda betapa bahayanya apabila beg plastik itu dibakar? Janganlah membakar sampah-sarap bersama beg plastik, asingkan sampah-sarap yang boleh dikitar semula, tanamkan daun-daun dan ranting-ranting pokok.

Matthias Gelber juga berkongsi 10 cara yang boleh menghijaukan alam sekitar kita:

- (i) Sebelum membeli sesuatu, tanya kepada diri sendiri: "Perlukan saya membeli benda ini?"
- (ii) Semak bil elektrik setiap bulan, setiap KiloWatt yang digunakan itu adalah satu pencemaran kerana tenaga elektrik kita bergantung kepada loji arang batu. Tetapkan satu sasaran, kurangkan penggunaan elektrik sebanyak 10%.
- (iii) Guna pancuran mandian pada suhu biasa semasa mandi, elakkan pemanas Jimatkan air.
- (iv) Sentiasa menggunakan pengangkutan awam dan berkongsi kenderaan.
- (v) Gunakanlah basikal bermotor buatan Malaysia.
- (vi) Wujudkan sistem pengasingan sisa pepejal di rumah atau kawasan komuniti anda. Asingkan bahan-bahan yang boleh dikitar semula seperti kertas, tin, botol dan plastik.
- (vii) Tanam pokok.
- (viii) Beli produk mesra alam.
- (ix) Tulis surat atau emel kepada ahli politik yang prihatin terhadap isu alam sekitar.

11 Muka Baru Ahli Majlis MPSP

BANDAR PERDA: Seramai 11 muka baru dilantik sebagai Ahli Majlis MPSP, iaitu dua daripada DAP, lima dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan satu daripada PAS, manakala 13 Ahli Majlis lama dikekalkan sebagai Ahli Majlis MPSP pada tahun ini.

Semua muka lama dan baru Ahli Majlis masing-masing menandatangani surat penerimaan jawatan sebagai pelengkap kepada komposisi Ahli Majlis sebagai pihak berkuasa tempatan dan ejen pembangunan bagi negeri Pulau Pinang.

Muka baru Ahli Majlis MPSP, Sarina Hashim, 45, berkata kenyataan yang dibuat Ketua Menteri akan memperuntukkan RM5 juta bagi menaik taraf 15 pasar awam di Seberang Perai mampu memberi keselesaan kepada orang ramai yang membeli pelbagai barangan basah dan kering di pasar berkenaan.

Sehubungan dengan perkhidmatan kepada rakyat, Lim Eng Nam, 42, berkata, mana-mana pengadu yang datang berjumpa dengan ahli Majlis seharusnya dilayan kerana setiap pengadu merupakan mata dan telinga kepada Ahli Majlis.

"Ahli Majlis semasa menjalankan tugas mereka terutamanya aktiviti kebersihan, mungkin akan terabai kawasan-kawasan tertentu. Dalam hal ini, orang ramai dapat membantu dengan menarik perhatian Ahli Majlis."

Lim Tau Hoong, 30, seorang pengurus syarikat yang dilantik daripada (NGO), iaitu Dewan Perdagangan Cina Pulau Pinang, berharap dapat membantu merapatkan jurang antara komuniti perniagaan dan MPSP, terutamanya dalam soal permohonan lesen dan pelaksanaan dasar MPSP.

Abdullah Latif Abdullah, 44, Pegawai Penyelaras KADUN Bertam, berharap dapat membantu dalam soal kebersihan dan pengindahan taman awam dalam kawasan perumahan.

"Banyak taman-taman di Seberang Perai berada dalam keadaan tidak terurus dan memerlukan penanaman pokok-pokok bunga dan pemasangan lampu untuk mencerahkan kawasan yang gelap."

Zulkiefly Saad, 53, daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) mengucapkan terima kasih ke atas kepercayaan yang diberikan oleh kerajaan negeri.

Beliau berharap dapat bersama rakan-rakan lain yang dilantik memberi pandangan kepada kerajaan negeri dan MPSP terutamanya dalam soal agama dan masalah sosial.

K. Visvanathan, 62, berharap dapat membantu dalam soal membina dan menyelenggara jalanraya, sistem perparitan dan saliran serta menyediakan kemudahan-kemudahan awam seperti pasar awam dan meningkatkan kebajikan sosial kepada penduduk Seberang Perai.

Profesor Madya Dr. Tiun Ling Ta, 56, Presiden Persatuan Orang Cacat Anggota Malaysia, ingin menyumbang dalam penyediaan kemudahan untuk golongan kurang upaya di kawasan Seberang Perai memandangkan kebanyakan kawasan di Seberang Perai belum mempunyai kemudahan yang mesra OKU.

Dr. Tiun pernah melatih pemandu Rapid Penang cara untuk mengendalikan OKU. Beliau agak kecewa tidak ramai daripada NGO yang dilantik sebagai Ahli Majlis kerana selama ini Kerajaan Negeri begitu lantang melaungkan untuk memulihkan pilihanraya kerajaan tempatan, akhirnya hanya dua orang daripada NGO yang dilantik.

"Walaubagaimanapun, saya faham akan kekangan yang dihadapi oleh YB Chow (Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas). Dan saya melihat perlantikan saya ini satu komitmen yang besar kerana orang awam akan mempunyai harapan yang tinggi terhadap saya."



SERAMAI 11 muka baru dilantik sebagai Ahli Majlis MPSP pada tahun ini. Antaranya Lim Tau Hong, Lim Eng Nam, Dr. Tiun Ling Ta, Ahmad Kaswan Kassim, Mohamad Zainudin Othman, Sarina Hashim, Abdul Latif Abdullah, Bakhtiar Appandi Yahya,

MPSP Defisit Teruk Bawah BN

BANDAR PERDA:

Syabas kepada MPSP kerana telah mencapai lebih pendapatan atau 'surplus' tiga tahun berturut-turut sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil tampuk kerajaan.

Sebelum Kerajaan PR mengambil alih pentadbiran Negeri Pulau Pinang, MPSP telah mengalami kerugian dan defisit yang teruk, iaitu sebanyak RM230 juta dalam tempoh lapan tahun iaitu dari 2000 sehinggalah PR mengambil alih pada 8 Mac 2008.

Sehingga sekarang kerajaan lama masih enggan menjelaskan bagaimana RM 230 juta boleh hilang dalam tempoh lapan tahun dari dana MPSP.

Hanya dengan urustadbir CAT, Cekap, Akauntabel dan Telus Kerajaan PR sahaja keadaan kewangan

MPSP dapat dipulihkan dari tenat kebangkrapan dan defisit yang berterusan.

2000 - RM5.1 juta
2001 - RM31.2 juta
2002 - RM36.7 juta
2003 - RM39.0 juta
2004 - RM48.9 juta
2005 - RM57.1 juta
2006 - RM5.4 juta
2007 - RM5.1 juta
2008 - RM3.0 juta
2009 - RM14.6 juta
2010 - RM10 juta

Sehingga 31 Disember 2010, jumlah pendapatan MPSP adalah RM166,487,867. Manakala dari segi aliran keluar dana sehingga 31 Disember 2010, perbelanjaan yang telah dibuat oleh MPSP adalah berjumlah RM150,970,240.

Berdasarkan pendapatan dan perbelanjaan sehingga 31 Disember 2010, MPSP masih mempunyai lebih pendapatan atau 'surplus' sebanyak RM 1 5 , 5 1 7 , 6 2 7 . Selepas mengambil kira hutang lapuk, lebih pendapatan atau 'surplus' MPSP dianggarkan berjumlah RM10 juta.

MPSP Dapat Pinjaman RM40 Juta

SEBERANG PRAI: Mantan Yang Di-Pertua MPSP, Mokhtar Mohd. Jait mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana terus memberi pinjaman RM40 juta sebagai bantuan kewangan untuk memperkukuh MPSP terutamanya dalam pembiayaan bayaran balik pinjaman yang diambil untuk bangunan ibu pejabat di Bandar Perda, Permatang Pauh.

Ucapan tersebut diluahkan sempena Majlis Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MPSP 2011 baru-baru ini di mana tambahan pinjaman tersebut dijangka dapat menjimatkan kos mengurus sehingga RM250,000 sebulan, atau lebih kurang RM3 juta setahun.

"Terima kasih pada Kerajaan Negeri kerana prihatin meluluskan pinjaman tambahan sebanyak RM40 juta untuk melihat MPSP terus maju dan mengurangkan kos mengurus setiap bulan," tambahnya.

Kerajaan Negeri turut memberikan RM5 juta untuk menaiktaraf 15 buah pasar di kawasan Seberang Perai yang akan diumumkan kemudian.

Pada tahun lalu, Kerajaan Negeri telah memberi RM10 juta sebagai bantuan kewangan serta pembiayaan untuk membeli alat kelengkapan dan kenderaan bernilai RM3 juta bagi meningkatkan urusan kutipan dan pengangkutan sisa pepejal.

Dengan bantuan tersebut, maka kini tidak ada sebab lagi bahawa anggota pentadbiran MPSP tidak boleh memberikan perkhidmatan yang baik, kata Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengucap dalam majlis tersebut.

Mengimbas kembali tahun 2010 yang baru berlalu, Mokhtar kata, MPSP telah memperoleh

beberapa kejayaan, antaranya memperoleh persijilan MS ISO 9001:2008 pada 1 Mac 2010 di mana kemenangan itu merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di Malaysia dan di Pulau Pinang selepas Mahkamah Syariah.

Kedua, MPSP menjadi johan dalam kategori pengurusan kewangan, Anugerah Kualiti Sektor Awam Peringkat Negeri, manakala dalam kategori pengurusan kaunter dan laman sesawang, memperoleh naib johan di samping berjaya melaksanakan *Business Process Reengineering* kepada sekurang-kurangnya sembilan proses kerja.

Katanya, MPSP turut mencipta alat pencegah kecurian kabel lampu jalan dan telah mengemukakan kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia untuk mendapatkan *patents right*.

Terkini, MPSP menyertai Anugerah Inovasi Pengurusan Kewangan di Peringkat Kebangsaan dan pasukan MPSP telah membuat pembentangan di Kementerian Kewangan walaupun terpaksa bersaing dengan banyak kementerian kerana ia adalah pertandingan terbuka dan tiada kategori untuk PBT sahaja.

"Itulah antara kejayaan MPSP sepanjang tahun 2010 yang lalu kerana kita tahu bercakap sememangnya mudah tetapi bukan senang untuk mewujudkan satu pasukan yang ada kebolehan dan keupayaan melaksanakannya," tegasnya.

Selain Guan Eng, turut hadir di majlis berkenaan ialah Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. Ramasamy, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan dan Pengerusi Lalulintas Negeri, Chow Kon Yeow, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zainal Rahim Seman, Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Farizan Darus dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri.

Dasar Disanjung, Khidmat Dijulang Janji Ahli Majlis

GEORGETOWN: Seramai 24 Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah menghadiri Upacara Pengakuan Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis pada 6 Januari yang lalu bertempat di Dewan Persidangan Majlis, Dewan Bandaraya. Turut hadir sama menyaksikan upacara tersebut ialah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng; Timbalan Ketua Menteri, Dato' Mansor; Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (AMK) Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Zainal Rahim Seman dan Yang Dipertua MPPP, Ar.Patahiyah Ismail.



"PERLU menjadi orang tengah (counsel) di antara rakyat dengan perancang pembangunan melalui pendidikan berterusan...", ujar Mohd. Rashid Hasnon.

Ahli Majlis ini dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh satu tahun bermula 1 Januari 2011 sehingga 31 Disember 2011. Ahli-ahli Majlis adalah terdiri daripada wakil-wakil parti politik DAP, PKR dan PAS serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Seramai 10 muka baru telah dilantik bagi sesi ini. Mereka ialah Teh Lai Heng (DAP), Gooi Seong Kin (DAP), Prem Anand a/l Loganathan (DAP), Tan Seng Keat (PKR), Haji Mohd. Rashid Hasnon (PKR), Muhammad Sabri Md. Osman (PKR), Mohd. Taufik Sulong (PKR), Tahir Jalaluddin Hussain (NGO), Dr. Lim Mah Hui (NGO) dan Sin Kok Siang (NGO).

Dalam pada itu, seramai 10 Ahli Majlis yang tidak disambung perkhidmatannya atau menarik diri ialah Yeoh Soon Hin, Ng Chor

Huat, Thanalethimi a/p S.Veeriah, Abdul Rahman Ismail, Mohd. Ismail Ibrahim, Chua Kheng Ee, Zikri Fadzil, Choong Khuat Seng, Lim Kah Cheng dan Ali Akbar Mohd. Noor. Manakala 14 Ahli Majlis yang lain telah dilantik semula dan akan meneruskan perkhidmatan mereka buat tahun 2011 ini.



PERLANTIKAN kali kedua buat Iszuree Ibrahim.

"Saya amat gembira atas perlantikan ini. Setelah sekian lama saya menanti akhirnya tahun ini saya dilantik sebagai Ahli Majlis MPPP. Ini merupakan peluang terbaik buat saya untuk berkhidmat kepada masyarakat khususnya masyarakat di Parlimen Bukit Gelugor", ujar Prem Anand a/l Loganathan apabila ditanya tentang perlantikan ini.

Beliau yang baru pertama kali dilantik begitu teruja dan menambah bahawa peluang yang diberikan tersebut akan digunakan sebaik mungkin dalam memastikan semua dasar-dasar Kerajaan Negeri terlaksana. Bagi memastikan semua amanat dan tanggungjawab tertunai, beliau mengajak semua masyarakat berganding bahu supaya dapat mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya yang bertaraf antarabangsa.

"Alhamdulillah, bagi saya sebagai Ahli Majlis MPPP, setiap individu mesti mempunyai visi membangun dan memajukan negeri Pulau Pinang selaras dengan pembangunan untuk menaiktaraf Pulau Pinang sebagai bandaraya antarabangsa yang hidup (*liveable*) dengan menitikberatkan kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan hidup. Selain itu, pengurusan untung, tidak boros, mampu menjadi orang tengah (*counsel*) di antara rakyat dengan perancang pembangunan melalui

pendidikan berterusan juga adalah perlu," tegas Mohd. Rashid Hasnon.

Perlantikan ini adalah yang pertama buat beliau. Beliau turut menyeru agar semua warga kerja MPPP menggembleng tenaga supaya rajin bekerja secara proaktif, efektif, professional dan berintegriti dalam menjayakan dasar-dasar Kerajaan Negeri.

"Saya bersyukur kerana dipilih Allah SWT sebagai Ahli Majlis. Terima kasih kepada pimpinan PKR dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana kepercayaan yang diberikan. Saya komited untuk memberi khidmat terbaik untuk kebaikan Kerajaan Negeri, MPPP dan rakyat Pulau Pinang. Doakan kejayaan saya", ujar Mohd. Taufik Sulong apabila ditanya perasaan beliau dilantik sebagai Ahli Majlis MPPP.



BERGANDINGAN...Prem Anand a/l Loganathan mengajak semua rakyat Pulau Pinang untuk berganding bahu menjayakan dasar-dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Bagi Tahir Jalaluddin Hussain pula, ini adalah satu penghargaan bagi beliau dan Persatuan Kontraktor Binaan Bumiputera Kelas F (PERKOBF) Negeri Pulau Pinang.

"Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi kepercayaan melantik saya sebagai Ahli Majlis MPPP bagi 2011. Ini juga satu penghormatan bagi saya dan badan-badan NGO yang lain untuk terus memberi sumbangan serta idea dalam memajukan perkhidmatan perbandaran dan mempertingkatkan kesedaran masyarakat tentang perancangan pembangunan dan penghijauan yang teratur serta menarik perhatian para pelabur untuk terus melabur di Pulau

Pinang", ujar beliau.

Sehubungan dengan itu, Ketua Menteri menegaskan bahawa semua Ahli Majlis yang dilantik



KOMITED...Mohd. Taufik Sulong menzahirkan rasa syukur dan berusaha memberi komitmen terbaik.

diwajibkan turun padang untuk menyelesaikan dan memahami masalah yang dihadapi masyarakat bagi memenuhi harapan dan ekspektasi mereka. Selain itu, Ketua Menteri turut menekankan budaya kerja sepasukan yang perlu diadaptasikan dalam melakukan segala tanggungjawab yang diamanahkan bagi menghasilkan kecemerlangan ke arah transformasi bandaraya yang bersih, hijau dan pintar.



TERUJA...Tahir Jalaluddin menganggap perlantikan beliau sebagai Ahli Majlis sebagai satu penghargaan bukan sahaja buat dirinya malah buat PERKOBF Negeri Pulau Pinang.



SIAP SIAGA...Barisan Ahli Majlis MPPP yang baru bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri.

JPS Bina Pintu Air Berkembar

SIMPANG AMPAT: Penduduk di sekitar kawasan Simpang Ampat menarik nafas lega apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) membina pintu air berkembar dan stesen pam bagi mengurangkan masalah banjir.

Pembinaan pintu air berkembar tersebut siap pada 15 Disember yang lalu dirasmikan oleh Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang.

Choo Kiang dalam ucapannya berkata, sejak kebelakangan ini, pihaknya dan JPS kerap kali menerima rungutan daripada penternak, peladang dan penduduk setempat berhubung masalah banjir yang kerap melanda.

"Punca masalah berjaya dikenalpasti apabila keadaan pintu air yang sedia ada bersaiz 3.66 meter terlalu kecil dan tidak mampu mengeluarkan air mengeluarkan air dari daratan.

"Pintu air yang dibina hampir 50 lalu, mempunyai empat parit utama yang masing-masing mengalir ke arah pintu air ini", tambah beliau.

Pintu air yang sedia ada tidak dapat menampung aliran air dari kawasan sekitar yang dianggarkan hampir 12 kilometer persegi. Menurutnya, berikutan itu, pintu air yang sedia ada tidak dapat menampung aliran air dari kawasan sekitar yang dianggarkan hampir 12 kilometer persegi.

"Keseluruhan kawasan berkenaan melibatkan hampir 8,000 penempatan penduduk termasuk beberapa kawasan perindustrian dan pertanian.

"Dalam pada itu, beberapa kawasan lain di Seberang Perai Selatan (SPS) seperti Nibong Tebal dan Sungai Bakap juga turut diselenggarakan dengan projek menangani masalah banjir. Untuk makluman, projek berkenaan sudah diluluskan dan kini giat dilaksanakan," tambah beliau lagi.

Hadir sama pada majlis perasmian berkenaan ialah Timbalan Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang, Mohd Abu Bakar, Jurutera JPS SPS, Mohamad Hafizul Hamid dan Ahli Majlis Perbandaran Seberang Perai Selatan (MPSP), Peter Lim.



TAHAR (kiri) menerima replika kunci rumah yang disampaikan YDP MAINPP, Elias Zakaria sambil diperhatikan Mansor Othman (tengah).

Warga Emas Miliki Rumah Baru

TANAH LIAT: Seorang warga emas yang hidup sebatang kara sejak berpuluh tahun lalu di Kampung Tanah Liat, dekat sini, terharu apabila menerima rumah baru bernilai RM15 ribu daripada Pusat Urus Zakat (PUZ).

Tahar Daud, 90, sebelum ini tinggal bersendirian di sebuah pondok usang menjalani kehidupan seharian tanpa bekalan air mahupun elektrik.

Kebanyakan masanya dihabiskan berada di masjid, manakala makan dan minumannya disediakan mereka yang prihatin. Namun, adakalanya dia akan memasak di rumah kerana tidak mahu menyusahkan sesiapa.

"Tiada kata-kata yang boleh menggambarkan perasaan tok wan. Hanya terima kasih sahaja yang mampu diucapkan kepada semua pihak terutama PUZ dan Kerajaan Negeri di atas pemberian rumah ini.

"Tok wan pun sudah tiada sesiapa, sekurang-kurangnya rumah ini dapat memberikan sedikit keselesaan kepada tok wan untuk menjalani kehidupan," katanya ketika ditemui sejurus selepas majlis penyerahan replika kunci rumah barunya, di sini, baru-baru ini.

Penyerahan kunci disempurnakan Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Elias Zakaria sambil disaksikan Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman.

Hadir sama, Timbalan YDP MAINPP, Mohd Salleh Man.

Dalam pada itu, Mansor berkata, bantuan yang diberikan itu merupakan salah satu usaha dalam membela nasib rakyat yang memerlukan.

Menurutnya, ia tidak akan terhenti setakat itu sahaja, tetapi, akan dilaksanakan secara berterusan selagi negeri ini berada di bawah tampuk pemerintahan Pakatan Rakyat (PR).

"Adalah hasrat Kerajaan Negeri

pimpinan PR membantu siapa sahaja yang memerlukan tanpa mengambil kira fahaman dan ideologi politik mereka.

"Kita tidak mengamalkan diskriminasi semata-mata kerana tidak sama pandangan atau berbeza fahaman politik. Bagi kita samada ia menyokong atau tidak, bukan alasan untuk meminggirkan mereka yang memerlukan," katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, PUZ telah pun membina 30 unit rumah setakat akhir tahun 2010 lalu membabitkan kos sebanyak RM900 ribu bagi membantu mereka yang memerlukan.

Manakala, sebanyak RM1.7 juta dibelanjakan bagi membaik pulih sebanyak 164 buah rumah seluruh Pulau Pinang dalam memberi keselesaan kepada golongan asnaf yang memerlukan bantuan dan sokongan.

Sementara itu, pada perkembangan berkaitan, Mansor berkata, exco Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk menubuhkan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) membabitkan peruntukan RM1 juta.

Menurutnya, YIPP akan memberi tumpuan ke arah meningkatkan taraf hidup khususnya masyarakat Melayu dan Islam dalam pelbagai sektor.

"Ia (YIPP) tidak akan bertindih dengan fungsi dan peranan yang ada pada MAIPP ataupun Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri. YIPP akan memberi tumpuan terhadap pembangunan modal insan yang turut merangkumi semua aspek kehidupan masyarakat Islam di Pulau Pinang.

"Peranan institusi masjid akan ditingkatkan supaya ianya memberi manfaat kepada keseluruhan masyarakat dan umat Islam di sini. Selain itu, aspek sosial, pendidikan dan ekonomi umat Islam juga akan menjadi tumpuan utama oleh YIPP," katanya.



ADUN Permatang Pasir, Mohd. Salleh Man (kiri) ketika menyampaikan sumbangan Tahun Baru Cina kepada salah seorang penerima di Sama Gagah, Permatang Pauh.

Warga Emas Terima Sumbangan Tahun Baru Cina

PERMATANG PAUH: Seramai 53 penerima terdiri daripada warga emas ceria menerima hamper berupa barangan makanan keperluan harian sempena sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Mohd. Salleh Man berkata, sumbangan berkenaan merupakan salah satu daripada penghargaan yang diberikan kepada warga emas di kawasan Dewan Undangan Negeri (Kadun) Permatang Pasir dalam menyambut perayaan itu.

Menurutnya, warga emas merupakan golongan yang tidak boleh dilupakan kerana tanpa mereka, maka tiadalah generasi kini.

"Secara keseluruhannya, lebih 2,000 penerima menerima sumbangan Tahun Baru Cina kali ini berupa buah limau, air kotak

dan ang pau melibatkan enam kawasan dalam Kadun Permatang Pasir.

"Kita dapat lihat, rata-rata penerima adalah warga emas. Ia diberikan bagi menghargai, di samping mencerikan lagi sambutan tahun baru mereka tahun ini. Walaupun sumbangan yang diberikan tidak seberapa, namun ia diharap dapat memberikan seribu makna kepada mereka," katanya sejurus selepas menyampaikan sumbangan di Sama Gagah, dekat sini, baru-baru ini.

Salleh Man dalam pada itu berharap agar anak-anak tidak akan sesekali mengabaikan ibu bapa mereka, sebaliknya menghargai dan berterima kasih di atas segala jasa yang dicurahkan.

Katanya, apa yang diharapkan ibu bapa bukanlah wang ringgit, tetapi kasih sayang dan perhatian.



FOGGING'...Pengurusan kebersihan kediaman yang berterusan adalah perlu untuk mengawal penyebaran wabak denggi.



FASA...Kitaran lengkap nyamuk Aedes mengambil masa kira-kira seminggu.

Merubah Tingkah Laku, Pasukan COMBI Sedia Berkhidmat

JAWI: Majlis Penubuhan Pasukan COMBI bagi DUN Jawi telah diadakan di Dewan Warga Emas, Taman Desa Jawi baru-baru ini. Penubuhan pasukan ini adalah hasil kerjasama JKJK Sungai Jawi dan Pejabat Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS). Majlis turut dihadiri oleh ADUN Jawi, Tan Beng Huat, Dr. Faridah Md. Nor; Pegawai Kesihatan Daerah SPS dan Pengerusi-pengerusi JKJK DUN Jawi.

Pada majlis tersebut Beng Huat memohon agar orang ramai menjaga kebersihan kediaman masing-masing. Dengan tertubuhnya pasukan COMBI, beliau berharap agar tahap kebersihan dan kesihatan penduduk di kawasan DUN Jawi lebih terjamin dan lebih baik. Malah, beliau berharap DUN Jawi bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes yang boleh menyebarkan penyakit chikungunya dan demam denggi.

Penubuhan pasukan COMBI adalah bertujuan untuk memberi perhatian dan kesedaran yang serius terhadap masalah denggi yang semakin

meningkat kini. Aspek kesedaran akan bahaya denggi serta aspek tingkahlaku terhadap denggi harus diubah. Hal ini kerana kedua-dua aspek tersebut saling berkait antara sama lain. Tegass beliau, merubah tingkah laku terhadap denggi harus diberi keutamaan dalam mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Inisiatif utama penubuhan pasukan COMBI adalah untuk tingkatkan kesedaran dan penyertaan semua golongan masyarakat dalam mewujudkan persekitaran yang sihat dan bersih sejajar dengan usaha Pulau Pinang untuk mewujudkan Pulau Pinang Bandar Bersih dan Hijau.

Majlis telah dirasmikan oleh Pegawai Kesihatan Daerah SPS dan Pengerusi JKJK Sungai Jawi, Abdul Razak Shapee telah dipilih untuk mengetuai pasukan COMBI di DUN Jawi.

Jom Ganyang Aedes!

Indah Dan Hijau Tanpa Beg Plastik

SEBERANG JAYA: Pulau Pinang telah mencatat sejarah apabila memulakan tahun 2011 ini dengan menjadikan negeri yang pertama di Malaysia melancarkan kempen 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma' di Sunway Carnival Mall pada 1 Januari yang lalu. Inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang turut dicontohi oleh Kerajaan Persekutuan apabila Kerajaan Persekutuan turut melancarkan kempen 'Tanpa Beg Plastik Setiap Sabtu' hari yang sama.

Dalam ucapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menjelaskan bahawa hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri Hijau yang bertaraf antarabangsa sejajar dengan tindakan yang diambil oleh 42 buah Negara atau bandaraya lain seluruh dunia yang turut menyarankan penggunaan terhad beg plastik. Oleh yang demikian, pelbagai inisiatif telah dan sedang diambil dalam usaha menangani pencemaran alam sekitar sekaligus meningkatkan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang.

Tambah beliau, Pulau Pinang telahpun melaksanakan 'Hari Tanpa Beg Plastik Percuma' pada Julai tahun 2009 dan kempen tersebut telah diunjurkan dari sehari kepada tiga hari tanpa beg plastik percuma pada

Januari tahun lalu.

"Hari ini bersama dengan 1.6 juta rakyat Pulau Pinang, kita mengorak langkah berani dengan menjalankan usaha menjaga alam sekitar sepanjang masa sepanjang tahun. Kita harap usaha mengurangkan penggunaan beg plastik ini akan membolehkan kita mencapai wawasan menjadi negeri hijau pertama di Malaysia. Kami bersedia bekerjasama dengan semua pihak termasuk Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan inisiatif ini", tambah beliau.

Beliau yang turut hadir ke upacara 'Sambutan 100 Tan Bahan Kitar Semula Terkumpul' menambah bahawa beliau kesal dengan tindakan Barisan Nasional (BN) dan Gerakan Pulau Pinang yang telah memilih untuk berdiri bersama Persatuan Pekilang Plastik Malaysia (*Malaysian Plastic Manufacturers Association- MPMA*) menentang hasrat murni Kerajaan Negeri.

"Sekiranya pihak pro-plastik ini begitu yakin bahawa beg plastik 100% boleh dikitar semula, mengapa mereka tidak pergi kutip beg plastik yang berselerak di tapak pelupusan Pulau Burung, di tepi-tepi jalan, yang tersumbat dalam longkang dan sungai? Takkan mereka tidak tahu bahawa rakyat Malaysia membuang sumber kitar semula

bernilai RM163 juta dalam tempoh dua tahun ini. Setiap individu menggunakan 8 helai plastik seminggu yang mengambil masa 500 tahun untuk diuraikan", tegas Ketua Menteri.

Kempen ini adalah tertakluk kepada semua rangkaian hipermarket, supermarket, farmasi, restoran makanan segera, restoran nasi kandar, kedai serbaneka dan kiosk stesen minyak. Manakala bagi pasar mini dan premis perniagaan tunggal juga perlu mematuhi syarat baru semasa pembaharuan lesen iaitu melaksanakan 'Hari Tanpa Beg Plastik' bagi hari Isnin, Selasa dan Rabu. Bagi penjaja adalah dikecualikan. Sehingga Januari 2011, sebanyak 301 rangkaian syarikat telah menandatangani deklarasi 'Setiap Hari Tanpa Beg Plastik Percuma'.

"Sediakan Beg Membeli-belah, Kurangkan Beg Plastik".

Fakta Menarik
Setiap rakyat Pulau Pinang menghasilkan sebanyak 1kg sampah sarap setiap hari. 30% daripada hasil Pihak Berkuasa Tempatan telah digunakan hanya untuk melupuskan sampah sarap bagi tahun 2007 iaitu sebanyak RM57.6 juta

PENDAPAT ORANG RAMAI:



misalnya. Beg plastik inilah yang menjadi penyumbang kepada ketidakseimbangan alam sekitar. Saya sokong langkah YAB Lim Guan Eng 100%".

Norzilawati Md. Dahlan, 26, Eksekutif Pemasaran



"It is a good move. (Ia merupakan langkah yang baik). Saya sokong langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang 100%. Dunia sekarang ini macam-macam berlaku, bencana, pencemaran. Jadi program ini secara tidak langsung dapat membendung bencana dan pencemaran."

Sh. Nursyam Sy. Junid al-Junid, 28, Pegawai



"Saya merasakan ianya idea yang bernas untuk mengurangkan penggunaan beg plastik yang tidak boleh dibiodegradasikan (dilupuskan), kerana beg plastik jenis ini memberi kesan kepada alam sekitar. Walau bagaimanapun, kita harus memberi galakan untuk menggunakan beg kertas atau beg kitar semula atau beg yang boleh dibiodegradasikan misalnya beg yang diperbuat daripada 'corn starch' sebagai alternatif. Ini akan memudahkan orang ramai untuk mengadaptasikan perubahan dari penggunaan beg plastik kepada penggunaan beg alternatif yang lebih mesra alam".

Neoh Hor Kee, 28, Pembantu Undang-undang



"Permulaannya memang agak membebankan tetapi masa datang akan terbiasa. Lagipun pelancaran Tanpa Beg Plastik Setiap Hari ini adalah untuk masa depan bumi kita. Masa depan Pulau Pinang yang hijau dan bersih. Hakikatnya, negara Barat telahpun melaksanakannya dan sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun kita sepatutnya ikut teladan mereka. Tahniah kepada YAB Ketua Menteri dan saya menyokong langkah murni Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 120%".

Sha'ari Md. Salleh, 30, Perunding



"Beg plastik ini kita hanya gunakan apabila kita pergi ke pasaraya, selepas itu kita akan buangnya. Pembuangan beg

plastik inilah yang mencemarkan alam sekitar. Sebagai pelajar, saya merasakan langkah hijau yang diambil oleh Kerajaan Negeri amat wajar dan ini dapat mendidik generasi muda untuk mencintai alam sekitar kita".

Najmah Yusoff, 21, Pelajar



"Pelaksanaan hari tanpa beg plastik ini ada kebaikannya. Persekitaran akan terjejas sekiranya penggunaan beg plastik tidak dikawal. Dengan adanya kawalan sebegini, sampah sarap juga dapat dikurangkan. Tetapi tabiat orang Malaysia ini susah, segelintinya malas untuk membawa beg membeli-belah sendiri. Mereka lebih berharap kepada beg percuma. Jadi untuk menggalakkan mereka sokong adalah wajar untuk memberi alternatif dengan menyediakan beg membeli-belah seperti di kebanyakan pasaraya utama di Pulau Pinang ini".

Eyllia Eryani Helmilhusaini, 25, Pegawai Perhubungan Awam

"Kalau terlupa bawa beg membeli-belah memanglah membebankan, tapi ia akan jadi terbiasa apabila kita amalkannya. Langkah Kerajaan Negeri sangat bagus kerana bukan sahaja negeri kita bersih tetapi juga dapat menyumbang ke arah kebajikan".

Kuthilavenni, 40, suri rumah